



SURAT PEMBERITAHUAN

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
BILANGAN 10/2024

Yang Amat Mulia / Yang Dimuliakan / Yang Mulia
Setiausaha-Setiausaha Tetap
Ketua-Ketua Jabatan
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(Sila Rujuk Pembahagian)

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

PENGGUNAAN MODUL-MODUL SISTEM SUMBER MANUSIA (SSM) FASA II

Dengan penuh hormat dan takzim, sukacita memaklumkan bahawa modul-modul Sistem Sumber Manusia (SSM) Fasa II telah pun selesai dilancarkan dan sedia untuk digunakan. Modul-modul yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

- a. Sokongan Bintang dan Pingat
 - b. Perkhidmatan Kontrak / Sebulan ke Sebulan (SKS)
 - c. Penyelaras
 - d. Kenaikan Pangkat dan Memangku Substantif
 - e. Memangku Sementara
 - f. EB Sekatan
 - g. Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP)
 - h. Kaunseling
2. Sehubungan dengan itu, sukacita memaklumkan bahawa penggunaan modul-modul yang tersebut akan **dimandatorikan** mulai **01 April 2024** bagi semua Kementerian dan Jabatan.

N



3. Dalam perkara ini, semua proses-proses permohonan di atas hendaklah dilaksanakan secara dalam talian melalui SSM yang menggantikan proses yang dilaksanakan secara manual pada masa ini. Aliran proses bagi modul-modul tersebut boleh diimbas melalui kod QR seperti yang **dilampirkan**.
4. Notifikasi bagi permohonan yang telah dihadapkan akan tertera pada *notification tile* di dalam portal SSM. Selain itu, pihak Pentadbiran juga boleh menjana dan memuat turun laporan bagi pemantauan status permohonan di Kementerian dan Jabatan masing-masing.
5. Sehubungan dengan itu, dalam memastikan pelaksanaan perkhidmatan sumber manusia secara dalam talian melalui SSM berjalan dengan lancar dan efektif, pihak Jabatan Perkhidmatan Awam akan melaksanakan *Train The Practitioners (TTP)* kepada pihak Pentadbiran di Kementerian dan Jabatan-Jabatan.
6. Sementara itu, bagi membantu dalam memahami penggunaan modul-modul tersebut, manual pengguna seperti *Video Guide* dan *User Guide* bolehlah dirujuk dan dimuat turun melalui laman sesawang JPA di pautan [**www.jpa.gov.bn/SSM**](http://www.jpa.gov.bn/SSM).

Sekian yang dapat disembahkan / disampaikan untuk perhatian dan tindakan lanjut Yang Amat Mulia / Yang Mulia Pengiran / YM Pengiran Datin / Dato / Datin / Tuan / Puan mengenainya.

فَاللَّهُمَّ اتْقِنَّا

"Keberdayatahanan dan Perpaduan Perkhidmatan Awam Pemangkin Kesejahteraan Negara"
"Ramadhan Berkah Penuh Hikmah"

Dengan hormat,


[DR. NORFARIZAL BIN OTHMAN]
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

Tarikh : 19 Ramadhan 1445H / 30 Mac 2024M
S.k. : Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam), JPM
Rujukan : (46)JPA/1.5/SSM/1/2024

LAMPIRAN



2